

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti & Acara
Sent: Thursday, April 5, 2018 9:16 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Nurhazani Bt Mohd Shariff; Johan Afendi Bin Ibrahim; Ahmad Edwin bin Mohamed; Yus Asma Bt Yusoff
Subject: 'STHEM TERIMA LAWATAN SAINA '



PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN
PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA
SCHOOL OF TOURISM, HOSPITALITY
AND EVENT MANAGEMENT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' /Datin/Prof/Dr./Tuan/Puan



Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, 4 April 2018

Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara baru-baru ini menerima kunjungan dari 40 pelajar dan guru-guru dari Sekolah Menengah Sains Pokok Sena (SAINA). Kunjungan tersebut adalah merupakan sebahagian dari siri kursus jangka pendek untuk memberikan pendedahan dalam kemahiran dan ilmu hospitaliti khususnya berkaitan adab dan etika makan dalam majlis formal kepada pelajar-pelajar SAINA.

Pelajar-pelajar yang terlibat adalah merupakan pelajar-pelajar terpilih dalam tingkatan 4 dan 5. Mereka sangat teruja dan melahirkan rasa gembira kerana berpeluang terpilih untuk mengikuti kursus sebegini yang jarang diperolehi sebelum ini.

SAINA juga bercadang untuk menghantar kumpulan pelajar untuk mengikuti kursus Teambuilding dalam masa terdekat ini dan mereka yang terpilih akan menjadi perintis kepada kumpulan pelajar-pelajar selainnya.

Sesi kursus ini dimulakan dengan lawatan ke Anjung Tamu UUM dan seterusnya mengunjungi restoren latihan STHM iaitu D'Hospitality Restaurant. Pelajar-pelajar diberikan taklimat dan diikuti dengan kursus asas adab dan etika di meja makan majlis rasmi.

Di akhir kursus, pelajar-pelajar berpeluang mengaplikasikan ilmu yang dipelajari apabila dihidangkan dengan set makan tengahari yang enak.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA

College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.